

UMS ungguli emas pertama SUKIPT

Johor Bahru: Gandingan Raymond Toh Meng Hui, Ahmady Rady dan Lee Kim Qin, 24, dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraih pingat emas pertama kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2016 menerusi acara taekwando poomsae berpasukan lelaki, semalam.

Raymond, 26, Ahmady, 23, dan Kim Qin, 24, yang mengumpul markah keseluruhan sebanyak 6.98 memastikan UMS mengekalkan pingat emas yang di menangi menerusi acara sama dalam dua kejohanan SUKIPT edisi lalu.

Trio itu ternyata sukar digugat pencabar terdekat mereka, Low Hong Jac, Ong Chun Hoong dan Goh Zheng Yang dari Universiti HELP apabila hanya mengumpul 6.56 markah keseluruhan bagi meraih pingat perak.

Meng Hui berkata, mereka bangga dengan kejayaan meraih pingat emas pertama bagi kejohanan itu dan menjadi kenangan manis apabila dapat memastikan UMS mengekalkan penguasaan dalam kategori terbabit bagi tiga edisi SUKIPT berturut-turut sejak 2012.

Bukan menang mudah

"Kejayaan hari ini tidak datang dengan mudah, sebaliknya hasil dari kerja keras selepas menjalani latihan sejak tiga bulan lalu. Lebih manis, pencapaian kami hari ini adalah dari kejayaan ulangan UMS meraih pingat emas dalam dua edisi SUKIPT sebelum ini ia-



Pasukan Poomsae UMS memperaga pingat emas, semalam.

itu pada tahun 2012 dan 2014," katanya.

Meng Hui berharap UMS mampu mengekalkan pingat emas dalam acara terbabit dengan menghasilkan lebih ramai pelapis baharu dalam kalangan penuntutnya.

Sementara itu, penyertaan kali pertama atlet Universiti Taylor, Joanne Jali-zha Chen, 20, dalam pertandingan lawan pedang perseorangan ternyata memberi tuah apabila dia muncul pemenang pingat emas selepas menewaskan Filzah Syabila Jamaludin,

	E	P	G
UMS	2	1	0
HELP	1	1	0
Taylor	1	0	1
Nilai	1	0	0
UPM	0	2	2
KUTAR	0	1	1
USM	0	0	3
UIA	0	0	2
UTMM	0	0	1

24, dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Chen berkata, pingat emas pertama itu adalah hasil perancangan teliti apabila berjaya mengekalkan jarak dengan pesaing dan memastikan titik kelemahan pihak lawan.

"Kejayaan memenangi pingat gangsa pada SouthEast Asia Pacific (bawah 20 tahun) di Filipina pada April 2015 memberi saya keyakinan. Saya lebih bersedia dalam ketahanan mental dan fizikal bagi menghadapi pihak lawan," katanya. — Oleh Nurul Amanina Suahaini